



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 07 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Jadi Sukarelawan Tanpa Jemu Lebih 50 Tahun https://www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2024/10/1307281/jadi-sukarelawan-tanpa-jemu-lebih-50-tahun	Berita Harian	Neutral
2.	JKM Perlu Lindungi Akidah, Kebajikan Kanak-Kanak Mangsa GISBH https://malaysiagazette.com/2024/10/06/jkm-perlu-lindungi-akidah-kebajikan-kanak-kanak-mangsa-gisbh/#google_vignette https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1141492/kanak-kanak-diselamatkan-dari-rumah-amal-gisbh-berhak-terima-pendidikan https://www.malaysiakini.com/news/721705#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1307346/gisbh-kanak-kanak-diselamatkan-perlu-diberi-pendidikan-sempurna	Malaysia Gazette Harian Metro Malaysia Kini Berita Harian	Neutral
3.	Mangsa Banjir Di 4 Negeri Semakin Meningkat https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1141643/mangsa-banjir-di-4-negeri-semakin-meningkat#google_vignette https://www.hotfm.audio/mangsa-bah-4-negeri-meningkat/	Harian Metro Hot FM	Neutral

	<p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/06/banjir-pondang-pula-dinaiki-air/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-277-mangsa-masih-berlindung-di-pps-selangor/#google_vignette</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/angka-penduduk-terjejas-banjir-meningkat-semua-berada-di-pps</p> <p>https://selangorjournal.my/2024/10/number-of-flood-victims-increases-in-selangor-perak/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>Selangor Journal</p>	
4.	<p>Mangsa Kebakaran Kampung Hilir Sibu Terima Pelbagai Bantuan</p> <p>https://utusan sarawak.com.my/mangsa-kebakaran-kampung-hilir-sibu-terima-pelbagai-bantuan/</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/sarawak-gov-t-channels-aid-to-kampung-hilir-fire-victims-FL13090775</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/mangsa-kebakaran-kampung-hilir-terima-pelbagai-bantuan-fatimah-JL13090854#google_vignette</p>	<p>Utusan Sarawak</p> <p>The Sun</p> <p>The Sun</p>	Neutral
5.	<p>Ibu Dalam Pantang, Bayi Terperangkap Banjir Diselamatkan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689463/berita/semasa/ibu-dalam-pantang-bayi-terperangkap-banjir-diselamatkan#google_vignette</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/ibu-dan-bayi-terperangkap-banjir-diselamatkan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/polis-kluang-selamatkan-ibu-berpantang-bayi-berusia-tiga-minggu-terperangkap-banjir/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/06/polis-selamatkan-ibu-berpantang-bayi-terperangkap-dalam-banjir/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

6.	<p>Warga Emas Rentung Terperangkap Dalam Kebakaran</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689528/berita/semasa/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran-490667</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1141700/warga-emas-rentung-rumah-terbakar</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1307582/warga-emas-tinggal-sendirian-ditemui-rentung-dalam-rumah-terbakar</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/07/warga-emas-ditemukan-rentung-dalam-kebakaran</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
7.	<p>Warga Emas Putih Mata Wang Simpanan Lebih RM400,000 Lesap</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689406/berita/semasa/warga-emas-putih-mata-wang-simpanan-lebih-rm400000-lesap</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/06/warga-emas-putih-mata-modal-rm406654-kena-kebas-scammer/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/06/warga-emas-rugi-rm400000-gelap-mata-tawaran-untung-10-peratus/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/warga-emas-rugi-lebih-rm400000-ditipu-vincent/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan</p>	Neutral

<p>8.</p>	<p>Warga Emas Disyaki Tembak Penagih Curi Sawit Direman</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/06/warga-emas-disyaki-tembak-penagih-curi-sawit-direman/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1307445/warga-emas-ditahan-tembak-penagih-dadah-cuba-curi-sawit</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1141560/warga-emas-disyaki-tembak-penagih-dadah-cuba-curi-kelapa-sawit-ditahan</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=6h4Lg61M57Q</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan Malaysia</p>	<p>Neutral</p>
<p>9.</p>	<p>Warga Emas Hilang Ketika Menjala Ditemui Lemas</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/07/warga-emas-hilang-ketika-menjala-ditemui-lemas</p>	<p>Utusan Borneo</p>	<p>Neutral</p>

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

JADI SUKARELAWAN TANPA JEMU LEBIH 50 TAHUN



PUTRAJAYA: Menjadi sukarelawan lebih 50 tahun tanpa mengira penat dan lelah membantu golongan memerlukan, membolehkan seorang ibu tunggal menerima Anugerah Khas Warga Emas Kategori Wanita.

Anugerah itu diberikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai menghargai jasa mereka terhadap komuniti.

Anugerah itu disampaikan oleh Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad sempena sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Penerima anugerah itu adalah Exco Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM), Datin Paduka Khatijah Sulaiman.

Wanita berusia 76 tahun itu berkata, dia menjadi sukarelawan kerana mahu membantu mereka yang memerlukan terutama warga emas tiada tempat tinggal dan keluarga.

Setiasua Kehormat Majlis Rumah Amal Cheshire Bahagian Timur Asia Pasifik itu berkata, sebagai warga emas, dia juga memahami keperluan mereka yang amat memerlukan kasih sayang terutama dari anak-anak.

"Apabila berada di samping mereka sambil mendengar luahan isi hati, saya berasa puas malah lebih puas apabila melihat mereka tersenyum selepas meluahkan perasaan.

"Jadi saya tidak akan berhenti berbakti kepada golongan ini selagi saya mampu dan berdaya kerana bagi saya faktor umur bukan penghalang," katanya ketika ditemui selepas sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2024, baru-baru ini.

Ibu kepada seorang anak itu berkata, dia mendapat dorongan melakukan aktiviti kebajikan sejak kecil apabila sering melihat arwah ibu bapanya yang sering membantu komuniti setempat.

Katanya, selepas mendirikan rumah tangga, dia turut mendapat galakkan menjadi sukarelawan daripada arwah suaminya, Datuk Ibrahim Abdullah yang meninggal dunia 32 tahun lalu.

"Walaupun mereka yang menginspirasi saya menjadi sukarelawan sudah tiada, saya tidak akan berhenti berbakti kepada komuniti yang memerlukan.

"Apa yang penting adalah sentiasa bersyukur, tulus dan amanah terutama dalam menguruskan bantuan kewangan yang diberikan kepada mereka yang memerlukan," kata penerima Anugerah Aktivis Sosial Perdana Menteri pada tahun 2011.

Mengenai anugerah yang diterima, nenek kepada seorang cucu itu berkata, dia amat gembira dan berbangga dengan pengiktirafan itu.

Katanya, ia membuktikan usahanya selama ini dalam membantu komuniti yang sering dipandang rendah segelintir pihak membawa hasil dan mula membuka mata banyak pihak.

Sementara itu, pada majlis sama, turut menerima Anugerah Warga Emas Kategori Lelaki adalah Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye.

Lam Thye, 78, menganggap pengiktirafan yang diterima itu adalah sebagai sumbangannya kepada semua warga emas.

Katanya, warga emas adalah golongan yang tidak boleh dipandang rendah kerana sumbangan mereka kepada negara terlalu banyak dalam pelbagai aspek.

"Oleh itu, golongan muda sepatutnya banyak mendekati warga emas supaya dapat belajar pelbagai ilmu bermanfaat daripada golongan kami," katanya.

Berkenaan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas yang sedang dirangka KPWKM untuk melindungi hak dan Kebajikan warga emas, beliau berkata, ia amat wajar dilaksanakan.

Ini kerana katanya, dengan adanya RUU itu, ia dapat memberi jaminan supaya setiap peranan warga emas dapat dimainkan dengan lebih tersusun dan teratur.

Selain itu, beliau juga berharap kerajaan akan terus memberi peluang kepada warga emas yang masih bertenaga dan layak, terus memberikan sumbangan kepada negara supaya setiap ilmu berguna yang ada pada mereka, dapat digunakan sebaiknya.

Pada majlis sama, turut disampaikan adalah Anugerah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Cemerlang yang diberikan kepada PAWE Sungai Dua, Pulau Pinang.

Mereka menerima anugerah itu kerana aktif menjalankan program penjanaan dana melalui pertanian bandar seperti tanaman sayur-sayuran yang dilaksanakan sejak tahun 2018.

Anugerah Pertubuhan Sukarela Kebajikan Warga Emas Cemerlang pula diberikan kepada Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Emmanuel, Perak.

Mereka menerima anugerah itu kerana memberikan tempat tinggal kepada warga emas yang terbiar atau tersisih secara percuma.

Selain itu turut disampaikan adalah Sijil Penghargaan Kami Prihatin Warga Emas kepada agensi dan syarikat yang menyumbang kepada pemeraksanaan warga emas dan turut sama membantu kerajaan demi kesejahteraan rakyat.

JKM PERLU LINDUNGI AKIDAH, KEBAJIKAN KANAK-KANAK MANGSA GISBH



KUANTAN – Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) penting dalam menganggal jubah kesesatan fahaman Global Ikhwan Services and Holding Sdn. Bhd. (GISBH) yang didakwa sehingga mengakibatkan kanak-kanak menjadi mangsa gerakan berkenaan.

Presiden Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan Datuk Zainul Rijal Abu Bakar berkata, JKM perlu berkolaborasi beberapa agensi lain dalam melindungi kebajikan dan aqidah kanak-kanak yang terbabit gerakan berunsurkan Al-Arqam.

“JKM hendaklah bekerjasama dengan institusi agama untuk menanggalkan jubah kesesatan mereka ini. Walau apapun status anak tersebut kebajikan anak itu mestilah dipelihara.

“JKM mungkin tidak dapat menampung bilangan kanak-kanak yang terlibat. Majlis Agama Islam Negeri-Negeri mungkin boleh mengumpulkan suatu dana untuk penjagaan kanak-kanak ini di pusat-pusat tertentu dan bekerjasama dengan JKM.

“Oleh itu tempat khusus mungkin perlu diwujudkan untuk mereka. Hal ini penting untuk menyahkan indoktrinasi yang selama ini dipegang oleh mereka,” katanya hari ini.

Selain itu Zainul berpendapat pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan kedutaan Malaysia di luar negara juga berperanan dalam mengekang doktrin yang menyeleweng dan sesat itu kepada pengikut ajaran itu yang berada di luar negara.

Ianya penting bagi memastikan anak-anak Malaysia di luar negara yang terbabit dengan amalan dan kepercayaan GISBH dibawa balik dan diberi pendidikan yang sempurna serta bimbingan agama sewajarnya.

“Ini adalah kerana terdapat ramai anak-anak Malaysia di luar negara yang terlibat dengan kesesatan GISB ini.

“Walaupun berada di luar negara kebajikan dan aqidah mereka perlu dilindungi. Mereka perlu segera dibawa pulang dan diberi bimbingan sewajarnya,” tambahnya.

Selain isu kebajikan kemelut GISB ini bukan sahaja berkenaan dengan pegangan aqidah tetapi ia juga dikaitkan dengan isu buruh, kanak-kanak, termasuk hak penjagaan serta status kanak-kanak berkenaan.

Tegasnya kerajaan perlu mengambil tindakan bersepadu bagi menangani isu GISB ini khususnya yang melibatkan kanak-kanak.

Justeru Zainul berharap orang yang bertanggungjawab terhadap kemelut ini perlu dihadapkan ke mahkamah dan dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka.

Tambahnya diharapkan siasatan dilakukan dengan adil dan telus serta mengikut undang-undang dijalankan oleh pihak berkuasa dan agensi berkaitan.

Semalam Pahang telah mengisytiharkan amalan dan kepercayaan GISBH ameyeleweng dan sesat kepada pengikut yang meneruskan fahaman Aurad Muhammadiyah yang dibawa gerakan al-Arqam yang diwartakan sesat pada tahun 1994.

Sebelum ini Perlis dan Selangor juga sudah mengisytiharkan sedemikian dan beberapa negeri lain akan turut mengambil tindakan yang sama.

“Walaupun ramai mempersoalkan kenapa begitu lama kerajaan tidak mengambil tindakan sehingga dikatakan sebuah empayar ekonomi telah dibina baru kini kerajaan mengambil tindakan namun, itu bulanlah persoalannya.

“Bukanlah untuk menoleh ke belakang menyalahkan mana-mana pihak tetapi apa yang utama fokus menjurus kepada tindakan yang perlu diambil,” ujarnya lagi. – MalaysiaGazette

MANGSA BANJIR DI 4 NEGERI SEMAKIN MENINGKAT



Kuala Lumpur: Hujan lebat petang tadi menyebabkan jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Selangor, Perak, Johor dan Kedah terus merekodkan peningkatan malam ini.

Di **SELANGOR**, jumlah mangsa banjir yang berkurangan petang tadi kembali meningkat iaitu daripada 277 mangsa daripada 56 keluarga kepada 281 mangsa daripada 57 keluarga malam ini.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tiga PPS iaitu PPS Dewan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Seri Kundang, Sekolah Kebangsaan (SK) Ijok dan SK Bukit Badong masih beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir dari dua daerah iaitu Gombak dan Kuala Selangor.

Situasi yang sama turut berlaku di **PERAK**, apabila jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di PPS kembali meningkat kepada 234 daripada 64 keluarga berbanding 225 daripada 61 keluarga petang tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dalam kenyataan memaklumkan empat PPS masih beroperasi di tiga daerah iaitu Kerian (108 mangsa); Matang (50 mangsa) dan Hilir Perak (76 mangsa).

Dalam pada itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri memaklumkan laluan FT 147 Jalan Bagan Serai-Changkat Lobak dan FT 076 Jalan Kuala Kangsar - Gerik - Pengkalan Hulu ditutup susulan tanah runtuh dan pengguna jalan raya dinasihatkan menggunakan laluan alternatif serta sentiasa berjaga-jaga.

Di **JOHOR**, mangsa banjir di daerah Kluang turut meningkat kepada 195 orang pada 8 malam ini berbanding 116 mangsa petang tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Tan Sri Dr Azmi Rohani dalam kenyataan berkata seramai 155 mangsa daripada 44 keluarga dipindahkan ke PPS SK Dato' Onn Jaafar dan 40 mangsa daripada 16 keluarga ditempatkan di SK Seri Kampung Renggam.

Beliau berkata kesemua mangsa dipindahkan setelah kediaman masing-masing di Taman Suria, Taman Rekamas dan Kampung Seri Tengah Renggam dinaiki air.

Di **KEDAH**, satu lagi PPS dibuka iaitu di daerah Pendang di Dewan Kompleks Rakan Sukan Tanah Merah sekali gus menjadikan jumlah mangsa banjir meningkat kepada 229 orang daripada 69 keluarga ditempatkan di dua PPS, malam ini.

Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Kedah Mejar (PA) Muhammad Suhaimi Mohd Zain berkata 48 mangsa daripada 11 keluarga dipindahkan ke PPS baharu berkenaan manakala satu lagi PPS di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun, Kubang Pasu yang dibuka pada 2.30 pagi tadi, kini menempatkan 181 mangsa daripada 58 keluarga.

MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG HILIR SIBU TERIMA PELBAGAI BANTUAN



SIBU: Kerajaan Sarawak telah menyalurkan pelbagai bantuan termasuk wang tunai keseluruhannya berjumlah RM149,750 kepada mangsa kebakaran di Kampung Hilir di sini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata bantuan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah termasuk bantuan awal yang diagihkan kepada 142 mangsa, sehari selepas kejadian itu.

Beliau berkata kebakaran yang berlaku pada 22 Sept lepas membabitkan 17 unit rumah dengan 15 daripadanya musnah sepenuhnya.

“Bantuan awal seperti makanan kering, peralatan dapur dan kelengkapan tidur telah diberi kepada ketua isi rumah di pusat pemindahan sementara (PPS).

“Hari ini kita beri bantuan wang saku, pakaian harian, pakaian dan peralatan sekolah,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan cek bantuan bencana kepada mangsa kebakaran di sini hari ini.

Beliau berkata peruntukan tersebut juga termasuk bantuan bahan binaan bernilai RM5,000 untuk setiap pemilik rumah yang 100 peratus musnah dalam kejadian itu. — BERNAMA

IBU DALAM PANTANG, BAYI TERPERANGKAP BANJIR DISELAMATKAN



KLUANG - Seorang wanita dalam pantang bersama bayinya berusia tiga minggu berjaya diselamatkan selepas terperangkap di dalam rumah akibat banjir yang melanda Simpang Renggam pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, bantuan menerusi Pasukan Boatman Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang dilakukan pada jam 2.45 petang.



Anggota polis membantu memindahkan keluarga yang terperangkap akibat banjir di Kampung Parit Jepun, Ulu Benut Simpang Renggam, Kluang. Foto IPD Kluang

“Sebuah keluarga yang terperangkap dalam rumah Kampung Parit Jepun, Ulu Benut akibat banjir diberikan bantuan. Seorang wanita baru bersalin tiga minggu lalu berusia 22 tahun dan bayi lelakinya diselamatkan.

“Turut diselamatkan seorang wanita berusia 59 tahun. Semua mangsa dibawa keluar menggunakan kenderaan GS Kargo Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Mereka dibawa ke Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Kencana, Kampung Muhamad Amin, Simpang Renggam,” katanya dalam kenyataan.

WARGA EMAS RENTUNG TERPERANGKAP DALAM KEBAKARAN



KUDAT - Seorang wanita warga emas ditemukan rentung selepas kediamannya musnah dalam kebakaran di Kampung Pituru, di sini pada malam Ahad.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, Lo Hiong Lan, 76, yang tinggal sendirian ditemukan di ruang tamu tingkat bawah rumah tersebut.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kudat, Ishak Jabas berkata, seramai tiga anggota dikejar ke lokasi kejadian yang terletak sejauh 45 kilometer dari BBP Kudat selepas menerima panggilan pada jam 8.10 malam.



Keadaan rumah yang musnah dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Pituru, Kudat.

"Kebakaran membabitkan sebuah rumah dua tingkat terbakar sepenuhnya dan dipadamkan orang kampung sebelum ketibaan pasukan bomba," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Isnin.

Katanya lagi, mangsa ditemukan rentung ketika proses pemeriksaan dan pemadaman susulan sebelum mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Operasi pemadaman ditamatkan sepenuhnya pada jam 2.25 pagi selepas memastikan keadaan lokasi selamat," ujarinya.



Keadaan rumah yang musnah dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Pituru, Kudat.



Mayat mangsa diserahkan kepada polis dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Pituru, Kudat.

WARGA EMAS PUTIH MATA WANG SIMPANAN LEBIH RM400,000 LESAP

JOHOR BAHRU - Gara-gara tertarik dengan skim pelaburan tidak wujud yang ditawarkan di laman Facebook, seorang warga emas berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah RM406,654 lesap.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata, pihaknya mengesahkan telah menerima satu laporan polis berhubung perkara tersebut daripada lelaki berusia 60 tahun itu, pada Jumaat.

Malah, katanya, lelaki berkenaan turut mengakui tertarik dengan satu pelaburan berkenaan (Dimensional) di laman sosial Facebook hingga sanggup meninggalkan nombor telefonnya di laman berkenaan sebelum dihubungi oleh individu dikenali sebagai Vincent menerusi talian 014-7904658.

"Pelaburan yang menjanjikan pulangan keuntungan 10 peratus dalam tempoh tiga bulan daripada modal yang dilaburkan membuatkan mangsa tambah tertarik dan telah memberikan butiran akaun CIMB miliknya bagi urusan transaksi wang keluar masuk serta deposit membuka satu akaun atas nama artisan partners bagi memulakan pembelajaran dalam pelaburan saham tersebut.

"Lelaki itu juga mengakui telah melakukan sebanyak 30 transaksi ke tujuh akaun berbeza mulai 25 Julai hingga 2 Oktober 2024 lalu, dengan keseluruhan modal sebanyak RM461,900," katanya.

Menurutnya, sepanjang tempoh pelaburan tersebut, mangsa hanya sekali menerima pulangan sebanyak RM55,246 sahaja.

"Mangsa kemudiannya mengesyaki telah ditipu apabila taliannya telah disekat oleh Vincent ketika dia cuba menuntut hasil keuntungannya yang lain," katanya.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu tipu.

"Siasatan juga akan meliputi penglibatan 'keldai akaun' dan jika ada tindakan akan diambil terhadap pemilik akaun yang terlibat," tambahnya.